



Kementerian Kesihatan meminta kerjasama agensi penguatkuasaan di sempadan negara meningkatkan kawalan di pintu masuk terhadap produk membabitkan rokok elektronik atau vape. - Arkib NSTP


Tingkat kawalan sempadan sekat lambakan vape

SEREMBAN: Kementerian Kesihatan meminta kerjasama agensi penguatkuasaan di sempadan negara meningkatkan kawalan di pintu masuk terhadap produk membabitkan rokok elektronik atau vape bagi mengelak lambakan produk itu di negara ini.

Menterinya, Datuk Dr Seri Dzulkefly Ahmad, berkata kemasukan produk itu dapat dikawal jika pihaknya mendapat kerjasama agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Kastam Diraja dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Ehwat Pengguna (KPDNHEP).

"Saya ingin menegaskan penguatkuasaan kawalan pintu masuk membabitkan Jabatan Kastam perlu dipertingkatkan, khususnya kemasukan produk bernikotin.

"Pihak KPDNHEP juga membantu berperanan dalam lambakan produk vape dan e-rokok, misalnya berbincang bersama FCTC (Rangka Kerja Kawalan Tembakau) mengenai standard kawalan produk itu dalam negara," katanya.



MENTERI Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad. NSTP/Ahmad Irham Mohd Noor

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Tilawah al-Quran Kementerian Kesihatan peringkat kebangsaan kali ke-30 di sini, hari ini.

Dr Dzulkefly berkata, kementerian sendiri mengambil beberapa tindakan termasuk menubuhkan Jawatankuasa Kerja Pakar yang dianggotai penguat kuasa farmasi, sektor inspektorat kementerian, KPDNHEP dan Rangka Kerja Kawalan Tembakau.

“Jawatankuasa yang dipengerusikan timbalan saya, Dr Lee Boon Chye, bermesyuarat kali pertama pada 16 Julai lalu dan akan bermesyuarat untuk kali kedua esok bagi memperincikan penguatkuasaan terhadap vape bernikotin dalam masa terdekat ini.

“Ia berikutan bahan vape yang bernikotin dikawal di bawah Akta Racun.

“Bahagian Kawalan Penyakit juga sedang mengatur perbincangan dengan Kementerian Pendidikan mengenai isu penggunaan vape dalam kalangan pelajar,” katanya.

Beliau berkata, kementerian berharap kerjasama dapat dijalin dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) termasuk stesen televisyen bagi memastikan iklan secara langsung atau tidak langsung terhadap vape dan bahannya dibanteras serta dicegah.

Baru-baru ini, media melaporkan penggunaan vape dalam kalangan pelajar dilihat semakin berleluasa. —
BERNAMA